

# Dr M terima keputusan

**P**UTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau menerima kekalahannya dalam pemilihan menjadi perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu ke perhimpunan agung parti November ini, tetapi ia tidak menghalangnya untuk terus bercakap mengenai pentadbiran kerajaan sekarang.

Sambil mendakwa berlaku rasuah dalam pemilihan di Jitra, Kedah, Sabtu lalu, bekas Perdana Menteri itu berkata, walaupun tewas, beliau sebenarnya mendapat kemenangan moral.

"Ini cuma pemilihan kecil, tetapi kerajaan Pusat dan negeri menggerakkan jentera seolah-olah ia pemilihan Presidens Pegawai kerajaan dikerah, ada pegawai dari kerajaan Pusat memberi amaran kepada anak buahnya (kakitangan) supaya jangan berkempen.

"Ada guru diugut akan dipindah ke Sabah. Semua ini bagi menentukan saya tak dipilih. Yang betul-betul berkesan ialah penggunaan wang untuk beli undi," katanya dalam ucapan selama 50 minit di hadapan kira-kira 50 penyokong di Auditorium Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Sambil menunjukkan slip senarai pilihan calon yang didakwa diedarkan kepada perwakilan bahagian itu, Dr Mahathir mendakwa RM200 juga dimasukkan dalam sampul surat bersama slip itu.

Dalam sidang media kemudian, Dr Mahathir berkata, beliau belum memikirkan sama ada menghadiri perhimpunan itu jika dijemput nanti.

Beliau juga berkata, tidak perlu baginya membuat taporan kepada Jawatankuasa Disiplin parti mengenai etika pemilihan di Bahagian Kubang Pasu kerana jawatankuasa terbabit didakwa tidak bebas.